



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## SIARAN MEDIA

### PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA PASAR PAYANG TINGKATKAN SOSIO EKONOMI PENDUDUK TERENGGANU

---

**KUALA TERENGGANU, 28 Februari 2024** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara rasmi telah menyerahkan Projek Pembangunan Semula Pasar Payang kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) bersempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke Negeri Terengganu pada petang ini. Majlis Penyerahan tersebut telah diwakili oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Tuan Haji Rosli bin Latif dan disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) bersama-sama Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar.

Pembinaan Pasar Payang ini melibatkan peruntukan **pembangunan daripada KPKT** sebanyak **RM70.03 juta. Manakala kos bagi perunding projek telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Terengganu.** Projek ini telah bermula pada 1 Ogos 2017 dengan pembinaan Pasar Payang 2 (fasa 1) bagi penempatan peniaga-peniaga dan telah siap pada 31 Mei 2019. Pembinaan Pasar Payang 1 (fasa 2) sebagai pasar utama telah mula dibina pada 13 Ogos 2019 telah siap pada 19 Julai 2023. Kerja-kerja pembinaan Pasar Payang 1 dua tingkat ini menempatkan 412 lot kedai, 369 petak jualan, tandas, tandas OKU, eskalator, lif, surau, jam besar, infrastruktur seperti jalan masuk, tempat letak kenderaan, lampu jalan serta landskap.

Pasar Payang yang berusia lebih dari 50 tahun ini merupakan pasar lama yang uzur dan daif dan menempatkan seramai lebih 500 peniaga sedia ada. Justeru, **pembangunan semula pasar awam ini dapat meningkatkan kualiti serta taraf kemudahan pasar, perkhidmatan awam yang berkaitan** dan menyediakan **persekitaran yang lebih selesa** kepada peniaga dan pengunjung malah akan memberi lonjakan yang besar

kepada sektor pelancongan Negeri Terengganu kerana Pasar Payang adalah destinasi “*must visit*” para pelancong di negeri ini. Pengisian **ruang perniagaan** yang disediakan di pasar baharu tersebut akan mengutamakan pelesen sedia ada dan turut memberi peluang kepada permohonan baru bagi memenuhi ruang perniagaan.

Menerusi Projek Pembangunan Semula Pasar Payang 1 ini, terdapat beberapa pembaharuan yang dilakukan antaranya peningkatan infrastruktur, reka bentuk yang menarik dan peluang perniagaan yang lebih luas. Pasar Payang 1 bakal menjadi satu lagi lambang kesungguhan kerajaan untuk meneruskan dasar menyediakan perkhidmatan dengan kemudahan terbaik dengan prasarana yang mantap kepada rakyat. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk “*positioning*” Pasar Payang 1 sebagai Pasar Seni/ Pasar Pelancongan, di mana jualan-jualan di Pasar Payang 1 adalah untuk batik/ sutera, kedai emas dan barang-barang cenderamata. Manakala bagi Pasar Payang 2 akan dijadikan pasar harian.

Seiring dengan pembangunan semula Pasar Payang 1, inisiatif-inisiatif baru bakal diperkenalkan lagi seperti pameran seni dan budaya, pertunjukan tradisional dan aktiviti pelancongan yang menarik dalam usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Pasar Payang ini dalam menjadikan Pasar Payang sebagai Pasar Pelancongan yang lebih menarik dan moden.

YB KM berkata, “Pembangunan semula Pasar Payang ini dapat menyumbang kepada peningkatan tahap sosio-ekonomi dan kualiti hidup masyarakat setempat. Sumbangan peniaga kecil tidak pernah dipandang remeh oleh KPKT, malah peningkatan ekonomi mikro turut memberi kesan positif kepada ekonomi negara.”

Bersempena dengan majlis tersebut, turut diadakan **Kick-Off Program Bandar Selamat (PBS) Tahun 2024** dan **Penyerahan Mock Cheque PBS 2024** bagi pelaksanaan **Program Bandar Selamat (PBS) Tahun 2024** ini. Simboliknya, Majlis Penyerahan *Mock Cheque* dilaksanakan kepada **Majlis Daerah Marang** dan **Majlis Daerah Besut** yang terpilih untuk menerima peruntukan PBS dan merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang mewakili Negeri Terengganu pada tahun ini.

Manakala **Penghargaan Khas Program Bandar Selamat** telah diberikan kepada **Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** sebagai pengiktirafan atas penglibatan aktif dalam menjayakan PBS bermula tahun 2011 dengan jumlah peruntukan yang telah diterima sejumlah **RM5.05 juta**.

**Program Bandar Selamat** (PBS) adalah bertujuan untuk mengurangkan kejadian jenayah dan memperbaiki persepsi masyarakat berhubung keselamatan awam. Fokus utama PBS adalah untuk memperkasa kawasan sasaran dan merekabentuk persekitaran fizikal yang terhindar daripada ancaman kejadian jenayah.

Negeri Terengganu telah menerima peruntukan berjumlah **RM14.8 juta** sejak 2011 hingga 2023 yang melibatkan semua PBT di Negeri Terengganu. Pada tahun 2024, pelaksanaan PBS akan melibatkan sebanyak 26 PBT yang terpilih di seluruh Malaysia melibatkan pembangunan **projek-projek fizikal** seperti pencahayaan, laluan pejalan kaki, rel penghadang, tempat letak motorsikal berkunci, penggera keselamatan, papan tanda dan cermin keselamatan dengan rekod perbelanjaan keseluruhan sebanyak **lebih RM400 juta** dari **tahun 2010 sehingga 2023**. Selain itu, Negeri Terengganu adalah merupakan antara negeri yang mencatatkan penurunan kadar jenayah indeks tertinggi di Malaysia pada tahun 2023.

KPKT akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat. Kecemerlangan mutu perkhidmatan KPKT juga akan terus dipertingkatkan dalam memastikan segala manfaat dapat dinikmati oleh rakyat sejajar dengan hasrat Kerajaan MADANI demi kesejahteraan masyarakat Malaysia.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, YB Wan Sukairi bin Wan Abdullah; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib; Setiausaha Kerajaan Terengganu, YB Mulia Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil; Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), TPr Dr. Alias bin Rameli; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Encik Mansor bin Mohamad serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

*#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether*

#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

